



SERTAI KAMI DAN JADILAH SEBAHAGIAN DARIPADA PELAKSANA TRANSFORMASI PENGURUSAN HARTA INTELEK DI MALAYSIA

Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, dan Kos Sara Hidup (KPDN) yang bertanggungjawab kepada pendaftaran dan pentadbiran sistem harta intelek seperti cap dagangan, paten, hak cipta, reka bentuk perindustrian dan susun atur litar bersepadu di Malaysia.

Misi kami ialah membangun, mempertingkatkan serta menambahbaik infrastruktur perundangan harta intelek dan sistem pentadbiran yang cekap melalui eksploitasi harta intelek (HI).

Seiring dengan kemajuan MyIPO yang dinamik, kami mempelawa warganegara Malaysia yang memenuhi kelayakan dengan penghasilan kerja berprestasi tinggi bagi mengisi kekosongan jawatan di **MyIPO**.

SYARAT-SYARAT ASAS

Kami mempelawa calon-calon yang mempunyai kebolehan seperti berikut:-

- Warganegara Malaysia;
- Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- Berkebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan baik. Kebolehan menguasai bahasa lain adalah diberi keutamaan;
- Berkebolehan mengendalikan komputer di dalam *word processing*, *spreadsheet* dan *powerpoint*;
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif, berkeyakinan tinggi dan kemahiran berkomunikasi di semua peringkat;
- Boleh bekerja sebagai satu pasukan serta boleh melakukan kerja-kerja di bawah penyeliaan yang minimum; dan
- Berkemampuan melakukan pelbagai tugas dalam masa yang ditetapkan dan boleh bekerja di bawah tekanan.

1. PEGAWAI HARTA INTELEK – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Reka Bentuk Perindustrian & Susun Atur Litar Bersepadu**;
- Menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai Penolong Pendaftar di bawah perundangan harta intelek;
- Memproses carian dan semakan kebolehdaftaran pendaftaran reka bentuk perindustrian;
- Membuat semakan dan keputusan ke atas permohonan rayuan/pendengaran/bantahan bagi pendaftaran reka bentuk perindustrian;
- Mengurus permohonan reka bentuk perindustrian antarabangsa melalui Sistem Hague;
- Mengurus tadbir permohonan berkaitan reka bentuk susun atur litar bersepadu;
- Menganalisa kes-kes mahkamah melibatkan perlindungan reka bentuk perindustrian dan susun atur litar bersepadu yang terlibat;
- Membuat kajian, dan merangka undang-undang, garis panduan dan *Standard Operation Procedure (SOP)*/ berkaitan bidang tugas;
- Memberi taklimat, khidmat nasihat dan latihan kepada pemegang taruh serta mewakili MyIPO dalam program-program luar;
- Memberi komitmen menghadiri program dan kursus di dalam negeri dan luar negara; dan
- Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang/ Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk/ Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan/ Ijazah Sarjana Muda Pengurusan/ Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- **Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengetahuan mengenai Perundangan Harta Intelek serta berkemahiran dalam Bahasa Inggeris.**

2. PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Eksekutif
Gred	:	IP8
Skala Gaji	:	RM2,688.00 – RM9,630.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Pengurusan Maklumat**;
- Melaksanakan kajian kesesuaian sistem maklumat sedia ada dan seterusnya menganalisa, mereka bentuk, membangun, melaksana dan menyelenggara sistem aplikasi di MyIPO;
- Melaksanakan proses pembangunan sistem aplikasi merangkumi fasa permulaan, analisis, rekabentuk, pembangunan, pengujian penerimaan dan pelaksanaan sistem selaras dengan Buku Panduan Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) MAMPU;
- Mentadbir, menyelenggara pangkalan data dan memastikan keselamatan, kebolehcapaian serta integriti data terjamin;
- Mengenal pasti, menguji dan menilai kesesuaian perisian/ tools yang terdapat di pasaran untuk kegunaan di dalam pembangunan sistem;
- Menyediakan spesifikasi program untuk tindakan pengaturcara komputer dan memastikan teknik, piawaian pengaturcaraan dan tatacara keselamatan dipatuhi;
- Menyesuaikan program yang sedia ada untuk memenuhi keperluan pengguna;
- Menyelaras sebarang bentuk penyediaan dokumentasi di setiap peringkat pembangunan sistem dari aspek panduan penggunaan dan dokumentasi teknikal;
- Mengenalpasti dan melaksanakan perubahan kepada aplikasi yang dibangunkan mengikut kesesuaian sistem berdasarkan spesifikasi keperluan pengguna;
- Mengurus dan merancang pelaksanaan *back-up* dan *recovery* bagi sistem dan pangkalan data;

- Menganalisa dan mengenalpasti tindakan penyelesaian terhadap masalah yang berkaitan dengan operasi server dan sistem yang berkaitan;
- Memberi khidmat sokongan teknikal dan latihan dalam penggunaan peralatan dan aplikasi ICT kepada pengguna;
- Bertanggungjawab dalam membangunkan website, sistem aplikasi dan pengaturcaraan menggunakan ASP.NET/ C#/ Visual Basic/ ColdFusion/ PHP/ jQuery/ Ajax/ HTML/ Javascript;
- Berpengetahuan dalam pengaturcaraan berorientasikan objek;
- Berpengetahuan dalam pengurusan pangkalan data seperti Oracle, MySQL dan yang seumpama; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Kemahiran dan pengalaman khusus dalam:

- Berpengalaman membangunkan aplikasi/sistem maklumat sekurang-kurangnya 3-5 tahun dalam bidang pengaturcaraan atau mempunyai kemahiran tinggi dalam pengaturcaraan;
- Mahir menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat;
- Seorang individu yang komited dan proaktif;
- Keutamaan:
 - a. Berpengalaman dalam Coldfusion/PHP
 - b. Oracle/MySQL
 - c. XML/JSON

Syarat kelayakan:

- Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang sains komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kepakaran yang mendalam mengenai perkakasan, peralatan dan sistem komputer serta mengikuti perkembangan teknologi maklumat terkini.

3. PENOLONG PEGAWAI SISTEM MAKLUMAT – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP10
Skala Gaji	:	RM1,963.00 – RM6,123.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Pengurusan Maklumat**;
- Bertanggungjawab membangun program baru untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna;
- Melaksanakan pengujian sistem secara unit, fungsian serta integrasi keseluruhan sistem;
- Menyediakan dokumentasi sistem dari aspek panduan penggunaan dan teknikal untuk program yang dibangunkan;
- Melakukan perubahan kepada program yang dibangunkan mengikut kesesuaian sistem berdasarkan spesifikasi yang diberikan oleh Pegawai Sistem Maklumat;
- Menerima aduan pengguna dalaman dan luaran yang dilaporkan melalui Sistem Helpdesk/ e-mel/ telefon dan memberikan bantuan teknikal untuk penyelesaian;
- Menganalisis dan menyelesaikan masalah pengendalian sistem dan membantu dalam membuat analisis keberkesanan sistem;
- Memantau dan melaksanakan backup terhadap aplikasi dan pangkalan data yang berkaitan mengikut jadual;
- Menyelaras aktiviti pengurusan data, penjana laporan/statistik, data exchange dan integrasi sistem;
- Menyedia, memelihara dan sentiasa memperkembangkan pangkalan data yang menyimpan segala maklumat berkenaan sistem;
- Melapor status dan perkembangan aktiviti/ projek/ sistem kepada Pegawai Sistem Maklumat dan Pengurus Bahagian Pengurusan Maklumat; dan

- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Kemahiran dan pengalaman khusus dalam:

- Berpengalaman membangunkan aplikasi/sistem maklumat sekurang-kurangnya 3-5 tahun dalam bidang pengaturcaraan atau mempunyai kemahiran tinggi dalam pengaturcaraan;
- Mahir menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat;
- Seorang individu yang komited dan proaktif;
- Keutamaan:
 - a. Berpengalaman dalam Coldfusion/PHP
 - b. Oracle/MySQL
 - c. XML/JSON

Syarat kelayakan:

- Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- Kepujian dalam Bahasa Inggeris (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. PEMBANTU HARTA INTELEK – (KONTRAK)

Klasifikasi	:	Perkhidmatan Harta Intelek
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pelaksana
Gred	:	IP12
Skala Gaji	:	RM1,408.00 – RM4,691.00

Peranan dan tanggungjawab adalah seperti berikut:

- Penempatan penugasan di **Bahagian Sumber Manusia**;
- Membantu tugas-tugas perkeranian seperti penyelenggaraan fail, mengimbas dokumen dan pelupusan salinan dokumen yang tidak digunakan;
- Menguruskan maklumat personal pegawai seperti perjawatan perkhidmatan, latihan, gaji, elaun, cuti dan kemudahan pegawai;
- Membantu merekodkan dan mengemaskini data ke dalam sistem atau secara manual;
- Berkebolehan mengendalikan aplikasi sistem komputer dengan baik;
- Menaip dan menyediakan dokumen rasmi yang diarahkan dalam masa yang ditetapkan; dan
- Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Syarat kelayakan:

- Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN KOSONG MyIPO** yang boleh diperolehi dengan memuat turun di laman web kami bersama-sama sesalinan sijil-sijil dan gambar berukuran pasport terkini.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat dan ditulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri atas sampul surat dan menyerahkan borang tersebut **selewat-lewatnya pada 19 Mac 2025** kepada:

**PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
ARAS 20, MENARA MyIPO, PJ SENTRAL
LOT 12, PERSIARAN BARAT, SEKSYEN 52
46200 PETALING JAYA, SELANGOR
(u.p.: Bahagian Sumber Manusia)**

Hanya calon-calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga.

PENTING:

- Pemohon hendaklah menyertakan Surat Akuan Pengiktirafan Diploma/ Ijazah daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan semakan pengiktirafan boleh dibuat di alamat web berikut: (<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>) atau (<https://www2.mqa.gov.my/mqr/>).